

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3/1994

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMILIHAN PENEROKA BAGI RANCANGAN-RANCANGAN KEMAJUAN TANAH DI NEGERI KELANTAN DARULNAIM.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 6/198/94 (29) dalam sidangnya pada 20 Mac 1994 telah membuat keputusan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan Peneroka Rancangan Kemajuan Tanah di Negeri Kelantan yang dimajukan oleh agensi-agensi seperti KESEDAR, FELDA, FELCRA, PKINK dan YAKIN dan lain-lain Lembaga Kemajuan Wilayah yang ditubuhkan dibawah mana-mana Enakmen dan Akta dengan keahlian serta bidangkuasa sepertimana berikut:-

1.1. Keahlian Jawatankuasa

- | | | |
|---|---|-----------------------|
| 1.1.1. Timbalan Menteri Besar Kelantan
(YB.Tuan Haji Ab. Halim bin Ab.Rahman) | - | Pengerusi |
| 1.1.2. Timbalan Menteri Besar Kelantan
(YB. Tuan Haji Mohd Rozali bin Isohak) | - | Timbalan
Pengerusi |
| 1.1.3. YB. Wakil Rakyat Tempatan dimana
rancangan itu berada | - | Ahli |
| 1.1.4. YB. Dato' Nik Man bin Nik Mohamed | - | Ahli |
| 1.1.5. Tuan Haji Yusoff bin Mohd Noor | - | Ahli |
| 1.1.6. Ketua Jajahan yang berkenaan | - | Ahli |
| 1.1.7. Pengurus rancangan tanah
yang berkenaan. | - | Ahli |

- 1.1.8. Mana-mana ahli yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi. - Ahli
- 1.1.9. YABrs. Pengarah Tanah dan Galian Kelantan. - Urusetia

1.2. Bidangkuasa dan Tugas Jawatankuasa

- 1.2.1 Menyemak senarai para peserta /peneroka KESEDAR dan agensi-agensi lain yang dilulus memajukan mana- mana rancangan tanah.
- 1.2.2 Menemuduga para peserta/peneroka untuk menentukan kelayakan mereka meyeritai Rancangan Kemajuan Tanah supaya selaras dengan matlamat memaju, menggalak dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial, pertanian, tempat tinggal dan seterusnya strategi penghijrahan penduduk dari kawasan padat di Bahagian Utara ke kawasan Selatan Negeri ini .
- 1.2.3 Mempunyai kuasa untuk membuat pengesyoran membuang atau menyingkir mana-mana peneroka yang melakukan kesalahan atau tidak megikut mana-mana peraturan yang telah ditentukan sebelum peneroka dimasukkan ke dalam rancangan-rancangan
- 1.2.4 Sekiranya ada sebarang ikatan perjanjian diantara Kerajaan Negeri dengan agensi pembangunan tanah seperti yang pernah dibuat diantara Kerajaan Negeri dengan FELDA, syarat supaya pemilihan peneroka/ peserta rancangan hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa ini dan hendaklah dimasukkan di dalam perjanjian yang berkenaan

2. Penubuhan Jawatankuasa Pemilihan ini adalah penting bagi menentukan bakal-bakal peneroka/peserta yang layak sahaja dipilih untuk meyertai mana-mana rancangan kemajuan atau pemulihan tanah yang dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti KESEDAR, FELDA, FELCRA, PKINK dan YAKIN dan lain -lain agensi pembangunan tanah dan wilayah .
3. Semua Pentadbir Tanah adalah dikehendaki memaklumkan tentang penubuhan Jawatankuasa Pemilihan ini kepada agensi-agensi yang berkenaan di jajahan masing- masing supaya segala pemilihan dan kemasukkan peneroka/peserta dapat dilaksana dan disempurnakan dengan baik
4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 20 Mac 1994

t.t

(Khalid bin Kadir)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
(Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).
9. Y.A.Brs. Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).
10. Y.A.Brs. Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan.
11. Y.A.Brs Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
12. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
13. Y.Brs. Setiausaha Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.
FAIL:PTG.KN.4485/(50)
FAIL:PTG.KN.4/2/40/(2)
BERTARIKH;27 APRIL 1994